No. Tender : NIH/T/24/15

KEW.PA-24

# KENYATAAN TAWARAN TENDER

# PELUPUSAN ASET ALIH (JUALAN SISA)

Kementerian / Jabatan:

**INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)**
**NO. 1 JALAN SETIA MURNI U13/52**
**SEKSYEN U13, SETIA ALAM**
**40170 SHAH ALAM**

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

| Bil. | Keterangan Aset Alih | Nombor Siri Aset Alih | Kuantiti | Harga Simpanan (RM) | Kod Bidang |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | DNA SEQUENCER | KKM/IMR/H/09/423 | 1 | 0.00 | 221902 |

2. Aset boleh dilihat pada **27 November 2024 (Rabu)** hingga **18 Disember 2024 (Rabu)** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.30 petang** di

**INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)**
**JALAN PAHANG**
**50588 KUALA LUMPUR**
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

3. Tender akan ditutup pada **18 Disember 2024 (Rabu) jam 12.00 tengah hari. Dokumen tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.**

4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih **(KEW.PA-25)** yang boleh diperolehl di alamat seperti di bawah bermula **27 November 2024 (Rabu) hingga 18 Disember 2024 (Rabu).** Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari.

**UNIT PENTADBIRAN**
**INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)**
**JALAN PAHANG**
**50588 KUALA LUMPUR**
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender **NIH/T/24/15** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

   **UNIT PEROLEHAN**
   **INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)**
   **ARAS 4, BLOK A**
   **NO. 1, JALAN SETIA MURNI U13/52**
   **SEKSYEN 13, SETIA ALAM**
   **40170 SHAH ALAM, SELANGOR**

6. Tawaran tender jualan sisa ini hanya ditawarkan kepada syarikat dan **tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan**

(Tandatangan Ketua Jabatan)

**DR MURIZAL BIN ZAINOL**
Pengurus NIH
Institut Kesihatan Negara (NIH)

Tarikh : 25/11/2024

No. Tender : NIH/T/24/15

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

1. Hanya syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam **kod bidang 221902 Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) sahaja** dipelawa. Sila sertakan salinan SSM dan Sijil Pendaftaran Kewangan kod bidang 221902 (masih berkuatkuasa) bersama KEW.PA 25

2. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

3. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **INSTITUT KESIHATAN NEGARA**.

4. Bayaran menggunakan Cek Persendirian / Cek Syarikat **ADALAH TIDAK DIBENARKAN** bagi mengelakkan isu Cek Tak Laku (CTL).

5. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.

6. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).

7. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.

8. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

9. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.

10. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.

11. Bagi tujuan melihat aset, temujanji hendaklah diadakan terlebih dahulu dengan pegawai-pegawai berikut:

    i. **Encik Asraf Bin Sultan Halaudin**
    **Unit Pentadbiran, Aset & Setor**
    **No Telefon : 03-3362 8243 / 018-3933305**
    **Emel : asraf.halaudin@moh.gov.my**

    ii. **Puan Marzlizawati Binti Zahrin**
    **Unit Pentadbiran, Aset & Setor**
    **No Telefon : 03-2616 2666 / 2612**
    **Emel : marzlizawati@moh.gov.my**

12. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan dokumen tender boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:

    i. **Cik Sarina Binti Hashim**
    **Unit Perolehan**
    **Institut Kesihatan Negara (NIH)**
    **No Telefon : 03-3362 8000 sambungan 6944**
    **Emel : pt_sarina@moh.gov.my**

    ii. **Puan Harliza Binti Harun**
    **Unit Perolehan**
    **Institut Kesihatan Negara (NIH)**
    **No Telefon : 03-3362 7109**
    **Emel : harlizaharun@moh.gov.my**

| NO PETENDER : NIH/T/24/15/_____ |
|---|

KEW PA-25

# BORANG TENDER PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Syarikat:

No. Pendaftaran Syarikat:

Alamat:

________________________________________

________________________________________

________________________________________

Kepada:

**UNIT PEROLEHAN**
**INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)**
**ARAS 4, BLOK A**
**NO. 1, JALAN SETIA MURNI U13/52**
**SEKSYEN 13, SETIA ALAM**
**40170 SHAH ALAM**
**SELANGOR**

Tuan,

**TAWARAN UNTUK TENDER NO. NIH/T/24/15**

Merujuk kepada perkara di atas, syarikat berminat menyertai tender tersebut.

2. Tawaran syarikat adalah seperti berikut:-

| Bil | Keterangan Aset | Kuantiti | Harga Tawaran (RM) | Deposit Sebut Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | DNA SEQUENCER (KKM/IMR/H/09/423) | 1 | | |

3. Bersama-sama ini disertakan deposit tender (sebanyak 10% daripada harga tawaran aset di atas atau RM10,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM______________________(Ringgit Malaysia ______________________) dalam bentuk Bank Draf/ Wang Pos/ Cek/ Kiriman Wang No. ______________________ atas nama **INSTITUT KESIHATAN NEGARA**.

4. Bayaran menggunakan Cek Persendirian / Cek Syarikat **ADALAH TIDAK DIBENARKAN** bagi mengelakkan isu Cek Tak Laku (CTL).

5. Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : ......................................

Nama : ......................................

Tarikh : ......................................

No Telefon : ......................................

Emel : ......................................

Cop Syarikat : ................................

- **Mohon sertakan bersama salinan SSM dan Sijil MOF (221902) yang masih berkuatkuasa**
- **Salinan penyata bank (pemulangan deposit)**

NO TENDER : NIH/T/24/15

## GAMBAR PERALATAN UNTUK DILUPUS

**NO PENDAFTARAN ASET : KKM/IMR/H/09/423**

**NAMA ASET : DNA SEQUENCER**



Gambar hadapan aset



Gambar dalam aset



Gambar belakang aset





Gambar sisi kiri aset

Gambar sisi kanan aset

## SURAT AKUAN PEMBIDA

## TENDER PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SATU (1) UNIT DNA SEQUENCER SECARA JUALAN SISA DI INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR), JALAN PAHANG, KUALA LUMPUR

**NO. SEBUTHARGA: NIH/T/24/15**

Saya, ________________________________ Nombor K/P _______________ yang mewakili ________________________________________________ Nombor Pendaftaran Syarikat _________________________ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa – apa suapan kepada mana – mana orang dalam mana – mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-manaperolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakanberikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tidakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

3.1 Didakwa bagi kesalahan** dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan *[Akta 574]* serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranyasyarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over)* seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

[Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]*, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : ..............................

Nama : ..............................

No.KP : ..............................

Tarikh : ..............................

Cap Syarikat : ..............................

Catatan :

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.